

PENUTUP

PENUTUP

Hasil daripada kajian yang dibuat dirumuskan bahawa disiplin *Mantiq* merupakan salah satu daripada disiplin ilmu asing yang telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam setelah ianya diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Pengaruh ini dapat kita lihat secara jelas setelah berlakunya percampuran yang ketara antara disiplin *Mantiq* dengan disiplin ilmu Islam yang terserlah melalui percampuran *Mantiq* dengan ‘ilm *Uṣūl al-Fiqh* dan ‘ilm *al-Kalām*.

Tidak dinasikan bahawa kedua-dua disiplin ini adalah disiplin ilmu yang telah dihasilkan oleh para ulama Islam. Namun dalam proses perkembangannya, kedua-dua disiplin tersebut telah berjaya dipengaruhi oleh disiplin *Mantiq* melalui peranan yang telah dimainkan oleh tokoh-tokoh ulama yang mempunyai tanggapan positif terhadap disiplin asing tersebut.

Kajian ini juga mendapati bahawa fenomena percampuran *Mantiq* dengan disiplin ilmu Islam bukan berlaku secara drastik. Ianya dimulai dengan beberapa langkah permulaan seperti percubaan menggunakan kaedah-kaedah *Mantiq* dalam berhujjah dan juga usaha mengetengahkan permasalahan *al-Fiqh* dan *al-Aqīdah* dalam karya-karya *Mantiq*. Percubaan pertama telah dilakukan oleh para pemikir awal Islam seperti pendokong aliran mazhab *al-Mu'tazilah* dan juga *al-Ashā'irah*. Kehalusan kaedah-kaedah *Mantiq* telah berjaya menarik minat mereka untuk terus menggunakan kaedah-kaedah tersebut, khususnya metod *al-Qiyās* dalam perdebatan sesama Islam dan

juga dengan pihak musuh yang bersenjatakan *Mantiq* Greek bagi memalsukan doktrin-doktrin akidah Islam.

Sementara langkah kedua pula dirintis oleh tokoh ulama Islam terkenal, al-*Imam al-Ghazali* melalui penghasilan beberapa karya *Mantiq* seperti *Miyyar al-'Ilm*, *Mihak al-Nazar* dan *al-Qisṭas al-Mustaqīm*. Langkah ini telah mendorong beliau untuk melangkah lebih jauh ke hadapan bagi mengadunkan *Mantiq* dengan disiplin ilmu Islam. Beliau telah merintis usaha mengadunkan *Mantiq* dengan disiplin *'Ilm Uṣūl al-Fiqh* menerusi kitab ulungnya *al-Mustasyfa Min 'Ilm al-Uṣūl*. Di dalam kitab ini beliau telah membentangkan satu mukadimah atau pengantar bagi disiplin *'Ilm Uṣūl al-Fiqh* yang mengandungi ringkasan terhadap kaedah-kaedah *Mantiq*. Kaedah-kaedah tersebut adalah berkisar dalam skop perbahasan *al-Tayawwurāt*, *al-Tasydiqāt* dan juga *al-Istidḍāl*.

Kewujudan mukadimah yang menjadi pengantar bagi *'Ilm Uṣūl al-Fiqh* ini, selain dari menunjukkan kepada kita betapa *Mantiq* telah mendapat kedudukan yang istimewa dalam dominasi ilmu pengetahuan di zaman beliau, juga membuktikan kepada kita bahawa *Mantiq* telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam. Ia seolah-olahnya dianggap sebagai pembuka tirai bagi disiplin ilmu tersebut. Hal seperti ini juga berlaku kepada *'Ilm al-Kalām*. Ini kerana terdapat ramai dari kalangan *mutakallimīn* yang terpengaruh dengan pemikiran al-*Ghazali*. Antara mereka ialah seperti al-*Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī*, al-*Imām al-Baydawī*, al-*Ijī*, al-*Taftazānī* dan lain-lain lagi.

Mereka telah berjaya menghasilkan beberapa karya ilmiah yang juga meletakkan *Mantiq* sebagai pengantar bagi disiplin ‘Ilm al-Kalām. Karya-karya seperti *Muḥayyil Afkār al-Mutaqaddimīn Wa al-Muta’akhirīn*, karangan al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Tawāli’ al-Anwār*, karangan al-Baydāwī, *al-Mawāqif*, karangan al-Ijjī adalah antara contoh yang jelas menunjukkan bahawa ‘Ilm al-Kalām juga telah diresapi oleh pengaruh *Mantiq*. Kaedah-kaedah *Mantiq* yang telah dibentangkan dalam karya-karya tersebut adalah sama sebagaimana yang terdapat di dalam *al-Mustasyfa*.

Selain daripada itu, pengaruh *Mantiq* terhadap pemikiran Islam juga dapat kita lihat melalui usaha mengetengahkan kaedah-kaedah *Mantiq* dalam mengisbatkan kewujudan Allah s.w.t. dan sifat-sifatNya. Metod *al-Qiyās* dalam pelbagai *asḥkāl*nya telah digunakan secara meluas dalam karya-karya seperti *al-İqtisād Fī al-İtqād*, karangan al-Imām al-Ğihazālī dan *Asās al-Taqdīs, Ma’ālim Fī Usūl al-Dīn*, karangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī. Kecenderungan ini tidak terdapat dalam karya tokoh-tokoh *mutakallimīn* awal seperti al-Baqillānī.

Kajian ini juga mendapati bahawa usaha mendekatkan *Mantiq* dengan pemikiran Islam, khususnya dalam bentuk pengadunan disiplin tersebut dengan disiplin ilmu Islam telah mendapat tentangan yang hebat dari sebilangan tokoh-tokoh ulama Islam, khususnya mereka yang mendokongi aliran pemikiran *al-Salafiyyah*. Ibn Taymiyyah merupakan seorang tokoh ulama Islam terkenal yang telah mengkritik langkah tersebut. Beliau telah menolak langkah al-Ğihazālī mengadunkan *Mantiq* dengan disiplin ilmu Islam kerana beliau berpendapat bahawa *Mantiq* adalah satu disiplin ilmu

yang tidak boleh memberi sebarang faedah kepada umat Islam. Kritikan beliau terhadap *Mantiq*, khususnya metod *al-Had* dan *al-Qiyāṣ* telah dilakukannya secara ilmiah dan bermetod.

Walau pun, hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh golongan yang menolak *Mantiq* mempunyai alasan yang agak kuat, namun kajian ini mendapati bahawa disiplin ini tidak seharusnya diharamkan secara mutlak kerana kesesatan yang terbit daripada penyalahgunaan kaedah-kaedah *Mantiq* sebagaimana yang berlaku kepada ahli Falsafah Islam, tidak boleh dijadikan sebagai satu alasan untuk kita menolak *Mantiq* secara mutlak. Ini kerana *Mantiq* sebagai satu alat yang berupa metoda gunaan atau praktikal, ianya terdedah kepada banyak kemudarat seandainya pengguna alat tersebut kurang mahir dalam menggunakan atau pun menyalahgunakannya untuk mencapai kepentingan-kepentingan yang tertentu.

Kajian ini menganggap bahawa disiplin *Mantiq* boleh dimanfaatkan oleh umat Islam, khususnya dalam bidang-bidang ilmu pengetahuan yang tidak melibatkan persoalan ketuhanan (*al-Ilāhiyyāt*) iaitu dengan syarat seseorang yang ingin menceburkan diri dalam bidang ini hendaklah terdiri dari kalangan individu yang mempunyai tahap kecerdasan akal yang tinggi, sentiasa berpegang kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah serta setiasa melaksanakan tuntutan ke dua-duanya dalam kehidupan mereka. Syarat-syarat tersebut perlu dipatuhi agar *Mantiq* dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya untuk kepentingan Islam dan kaum muslimin keseluruhannya.

Kesimpulan umum yang dinyatakan di atas menggambarkan kepada kita bahawa agama Islam adalah satu agama yang bersikap terbuka dan boleh menerima pemikiran asing yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip ajaran yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Bertitik tolak daripada landasan inilah kita dapat ramai dari kalangan para ulama silam yang berusaha memanfaatkan disiplin *Mantiq* untuk tujuan memantapkan kefahaman umat Islam terhadap disiplin-disiplin ilmu Islam walau pada hakikatnya disiplin tersebut merupakan *hikmat* peninggalan seorang tokoh pemikir Greek yang tidak menganut ajaran Tauhid. Walau pun usaha tersebut telah mendapat tentangan hebat dari sebilangan ulama, namun disiplin ini tetap diterima oleh sebahagian besar umat Islam kini sebagai satu cabang ilmu yang harus dipelajari oleh mereka.

Walau pun penulis dapat menyiapkan kajian ini dengan baik, namun penulis mempunyai cita-cita yang amat tinggi untuk meneruskan kajian yang mendalam dalam bidang ini, terutama sekali kajian yang berbentuk perbandingan antara pemikiran al-*Ghazālī*, tokoh yang memainkan peranan penting menyerapkan pengaruh *Mantiq* ke dalam pemikiran Islam dan Ibn Taymiyyah, tokoh yang telah berjaya mendedahkan kelemahan-kelemahan kaedah *Mantiq* secara ilmiah dan bermetod. Selain daripada itu, penulis juga mendapati bahawa masih terdapat beberapa sudut yang boleh dikaji secara mendalam dalam bidang ini seperti kedudukan *Mantiq* dalam disiplin-disiplin ilmu lain selain daripada ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh* dan ‘Ilm al-*Kalām* seperti *al-Fiqh*, *al-Nahw*, *al-Balaghah* dan lain-lain lagi.